TH SERAH LESEN KEPADA 33 PENGELOLA JEMAAH HAJI BAGI MUSIM HAJI 1448H/2027M

PJH diseru utamakan amanah, integriti dan kebajikan jemaah dalam menyediakan perkhidmatan haji berkualiti

SEPANG, 1 SEPTEMBER 2026: Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkanLesen Pengelola Jemaah Haji (PJH) kepada 33 syarikat, termasuk TH Travel & Services Sdn. Bhd., bagi Musim Haji 1448H/2027M.

Majlis Serahan Lesen PJH tersebut telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, di Mövenpick Hotel & Convention Centre KLIA.

PJH yang terpilih telah melalui proses penilaian yang teliti dan menyeluruh sebelum 33 syarikat dikenal pasti memenuhi syarat kelayakan untuk diberikan lesen.

Penilaian tersebut mengambil kira pelbagai aspek termasuk kedudukan kewangan, rekod prestasi, pengalaman serta keupayaan syarikat dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada jemaah. **TH** turut melaksanakan semakan bersama agensi berkaitan termasuk Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

YB Senator Dr. Zulkifli Hasan berkata, lesen yang diberikan bukan sekadar kelulusan untuk menawarkan pakej haji, sebaliknya merupakan satu amanah besar dalam mengurus perjalanan suci para tetamu Allah SWT.

"Setiap PJH perlu memastikan kebajikan jemaah sentiasa menjadi keutamaan. Setiap janji yang diberikan kepada bakal jemaah hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, integriti dan profesionalisme," katanya.

Beliau turut menyeru semua PJH supaya memberikan maklumat yang jelas, tepat dan telus kepada bakal jemaah, khususnya berkaitan penginapan, pengangkutan, makanan serta kemudahan lain, bagi membolehkan mereka membuat pilihan berdasarkan maklumat yang lengkap. Persaingan dalam kalangan PJH perlu berasaskan peningkatan kualiti perkhidmatan, inovasi dan tadbir urus yang baik tanpa menjejaskan kepercayaan serta kebajikan jemaah.

PJH juga diingatkan agar mematuhi syarat-syarat lesen PJH yang ditetapkan oleh **TH**, mengemaskini maklumat di Sistem Agensi Haji bagi mengelakkan denda yang boleh menjejaskan pengeluaran lesen di masa hadapan.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa kecemerlangan pengurusan haji Malaysia yang mendapat pengiktirafan antarabangsa, termasuk kejayaan menerima Anugerah Labaytum kategori Diamond daripada Kerajaan Arab Saudi buat kali kedua berturut-turut, perlu terus dipertahankan dan dipertingkatkan.

"Pengiktirafan ini bukan alasan untuk kita berasa selesa, sebaliknya perlu menjadi dorongan untuk semua pihak terus memperbaiki kelemahan, meningkatkan standard dan mencari pendekatan baharu demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada jemaah haji Malaysia," katanya.

YB Senator Dr. Zulkifli Hasan turut menekankan kepentingan penyediaan pakej haji yang lebih berpatutan dan kompetitif, termasuk pakej haji ekonomi, bagi memberikan lebih banyak pilihan kepada bakal jemaah mengikut kemampuan kewangan masing-masing.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa usaha menawarkan pakej pada harga yang berpatutan tidak boleh mengorbankan aspek kualiti, keselamatan dan kebajikan jemaah. Semua pakej yang ditawarkan hendaklah jelas, telus dan memenuhi standard yang ditetapkan.

Beliau juga mengingatkan semua pihak mengenai keperluan untuk bersama-sama membanteras aktiviti penipuan pakej haji dan umrah yang boleh menyebabkan bakal jemaah mengalami kerugian. Usaha tersebut memerlukan kerjasama erat antara agensi penguat kuasa, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), **TH**, MOTAC dan JAWHAR selain peranan PJH yang sah dan berlesen dalam menjaga nama baik industri pengelolaan haji negara.

Dalam majlis sama, **TH** turut memperkenalkan Anugerah Pengelola Jemaah Haji (Anugerah PJH) bagi mengiktiraf kecemerlangan syarikat PJH serta menggalakkan peningkatan kualiti dan amalan terbaik dalam perkhidmatan kepada jemaah.

TH akan terus memperkukuh kerjasama dengan agensi dan rakan strategik bagi memastikan pengurusan haji Malaysia kekal tersusun, diyakini dan memberikan pengalaman ibadah yang terbaik kepada para Dhuyufurrahman.

-TAMAT-

Senarai Syarikat Pengelola Jemaah Haji 1448H/2027M

1. TH Travel & Services Sdn Bhd
2. Al Balad Travel & Tours Sdn Bhd
3. Alam Shah Travel & Tours Sdn Bhd
4. Amani Travel Sdn Bhd
5. Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd
6. Az Safir Travel and Tours Sdn Bhd
7. Az Zuha Group Travel & Tours Sdn Bhd
8. Busyra Holidays Sdn Bhd
9. Citra Travel & Tours Sdn Bhd
10. CS Holidays Sdn Bhd
11. Eiman Travel & Tours Sdn Bhd
12. Felda Travel Sdn Bhd Feld
13. Gemilang Travel and Tours Sdn Bhd
14. Glocal Travel Sdn Bhd
15. Harmony Excellence Holidays Sdn Bhd
16. In Saff Travel and Tours Sdn Bhd
17. Irkaz Travel & Tours Sdn Bhd
18. JAD Travel & Tours (M) Sdn Bhd
19. Jay Ibrahim Travel & Tours Sdn Bhd
20. Juara Travel & Tours Sdn Bhd
21. Kembara Umrah Sdn Bhd
22. KRS Travel Sdn Bhd
23. KUJDT (Tiara Mass Travel & Tours Sdn Bhd)
24. Mahabbaten Travel & Tours Sdn Bhd

25. MIMM Travel & Tours Sdn Bhd
26. MKM Ticketing Travel & Tours Sdn Bhd
27. Qashwa Travel Sdn Bhd
28. Rayhar Travels Sdn Bhd
29. Rehlah International Travel & Tours Sdn Bhd
30. Syarikat Pelancungan Yaskin Sdn Bhd
31. TITIM Travel Sdn Bhd
32. Tri-D Travel & Tours Sdn Bhd
33. Wira Saujana Travels & Tours Sdn Bhd